



INSTITUT KANSER NEGARA

PUTRAJAYA

DOKUMEN SEBUT HARGA

- TAJUK** : TAWARAN SEBUT HARGA
KERJA-KERJA PEMASANGAN
SISTEM PALANG LALUAN
AUTOMATIK (*BOOM GATE*)
DI TEMPAT LETAK KERETA ARAS 2,
INSTITUT KANSER NEGARA
- NO. SEBUT HARGA** : IKN/SH/51/2014
- TARIKH IKLAN** : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)
- TARIKH TAKLIMAT/
LAWATAN TAPAK** : 10 OKTOBER 2014 (JUMAAT),
JAM 3.00 PETANG
BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT
UTAMA, ARAS 6, INSTITUT KANSER
NEGARA,
PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA
- TARIKH / MASA
DITUTUP** : 17 OKTOBER 2014 (JUMAAT)
JAM 12.00 TENGAHARI
- KELAYAKAN
KONTRAKTOR** : BERDAFTAR DENGAN PKK DAN
CIDB
KELAS F DI BAWAH KEPALA IV,
SUB-KEPALA 3(d)

NO. SEBUT HARGA : IKN/SH/51/2014

KERJA-KERJA PEMASANGAN SISTEM PALANG LALUAN AUTOMATIK (*BOOM GATE*) DI TEMPAT LETAK KERETA ARAS 2, INSTITUT KANSER NEGARA

KANDUNGAN

- I. KENYATAAN SEBUT HARGA
- II. ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA
- III. SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA
- IV. DOKUMEN-DOKUMEN SEBUT HARGA

Penyebutharga adalah diingatkan supaya melindungi dokumen ini sepertimana yang termaktub di bawah Akta Rasmi 1972.

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. AM

Arahan ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak. Kontraktor dinasihatkan untuk membaca 'Arahan kepada Penyebutharga' dengan teliti kerana kegagalan untuk mematuhi arahan-arahan di dalam ini akan mengakibatkan tawaran kontraktor ditolak.

2. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut harga adalah muktamad.

3. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi semua dokumen sebut harga dengan dakwat dan jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas pada ruangan pembetulan tersebut.

4. BORANG-BORANG YANG PERLU DIISI

(i)	Spesifikasi Kerja	-	Lampiran A
(ii)	Maklumat penyebutharga	-	Lampiran B
(iii)	Surat Akuan Penyebutharga	-	Lampiran C
(iv)	Ringkasan Sebut harga	-	Lampiran D
(v)	Senarai Semakan Sebut harga Kerja	-	Lampiran E
(vi)	Borang Sebut harga Kerja	-	Lampiran F
(vii)	Lampiran Q	-	Lampiran Q

5. DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN

5.1 Kontraktor perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

(a) Sesalanan sijil pendaftaran berikut :-

- i. **Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB**
- ii. **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan CIDB**
- iii. **Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera PKK**

(b) Sesalanan **Penyata Bulanan Akaun Bank** yang **disahkan** oleh pihak bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga. Hanya pengesahan asal sahaja diterima.

6. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 6.1 Dokumen Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor bilangan sebut harga **IKN/SH/51/2014** serta tajuk sebut harga **Kerja-Kerja Pemasangan Sistem Palang Laluan Automatik (*Boom Gate*) di Tempat Letak Kereta Aras 2, Institut Kanser Negara** dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebut harga.
- 6.2 Jika Dokumen Sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- 6.3 Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

7. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **5 minggu**.

8. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Dokumen Sebut harga ini adalah **PERCUMA**.

9. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

10. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebutharga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

11. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan teknikal hendaklah disalurkan kepada:

**Institut Kanser Negara
Jabatan Pengurusan,
Aras 6, Institut Kanser Negara,
No. 4, Jalan P7, Presint 7,
62250 Putrajaya**

**Tel: 03-8892 5555 (samb 5490)
Faks: 03-8892 5588**

I. SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

SYARAT-SYARAT AM

1. TAFSIRAN

- 1.1 Dalam syarat-syarat sebut harga kerja ini jika kandungan ayatnya mengkehendaki mana yang lain, istilah-istilah di bawah ini akan membawa erti berikut :
- 1.1.1 “IKN” ertinya ialah Institut Kanser Negara dan di mana bersesuaian, juga bermaksud ‘Pengarah IKN’ atau pegawai-pegawai yang dilantik olehnya;
 - 1.1.2 “Penyebutharga” adalah kontraktor/ syarikat/ pentadbir yang berminat untuk menyertai tawaran perkhidmatan ini;
 - 1.1.3 “Bangunan” ertinya ialah seluruh Kawasan Institut Kanser Negara, Putrajaya;
 - 1.1.4 “Kontraktor utama” ialah Syarikat Kiara Teratai Sendirian Berhad yang merupakan kontraktor yang bertanggungjawab dalam melaksana kerja-kerja pembaikan dalam tempoh tanggungan kecacatan mengikut skop kerja pembaikan yang telah ditetapkan di bawah kontrak berkenaan;
 - 1.1.6 “Kontraktor Pemantau” adalah Syarikat Faber Medi-Serve Sdn. Bhd., kontraktor yang dilantik oleh IKN untuk memantau semua sistem fasiliti dan biomedikal di IKN;
 - 1.1.7 “Pegawai Penguasa” adalah Pengarah IKN;
 - 1.1.7 “Jurutera IKN” adalah jurutera-jurutera yang bertugas tetap di IKN dan dilantik oleh Pegawai Penguasa sebagai wakil untuk memberi arahan, pengesahan dan kelulusan bagi dokumentasi, arahan dan membuat keputusan bagi mengikut kehendak sebut harga atau kontrak ini;
 - 1.1.8 “Pekerja” adalah anggota yang bekerja di bawah organisasi kontraktor yang dilantik di bawah kontrak ini; dan
 - 1.1.9 “Pengguna” atau “*End user*” adalah kakitangan IKN.

2. TAPAK, KAWASAN KERJA DAN PIHAK BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP INFRASTRUKTUR SEDIA ADA

- 2.1 Kawasan kerja adalah kawasan seperti dinyatakan di Para 1, Spesifikasi Kerja.
- 2.2 Kawasan IKN adalah kawasan dengan akses terhad, di bawah kawalan Unit Keselamatan IKN.
- 2.3 Bangunan dan infrastruktur IKN adalah dalam tempoh tanggungan kecacatan (*Defect Liability Period*) dan berada di bawah tanggungjawab kontraktor binaan Kiara Teratai Sdn. Bhd.
- 2.4 Kesemua operasi fasiliti perkhidmatan bangunan (termasuk elektrik, mekanikal dan infrastruktur awam) serta kemudahan kelengkapan biomedikal adalah

di bawah kawalan dan seliaan syarikat pemantau yang dilantik oleh IKN, Syarikat Faber Medi-Serve Sdn. Bhd.

- 2.5 Rangkaian jaringan teknologi maklumat adalah di bawah selian syarikat Strateg Sdn. Bhd. dan Jabatan Teknologi Maklumat IKN.
- 2.6 Sistem kad akses sediada adalah dikeluarkan oleh Microengine dan diurus dan diselenggara Syarikat TYCO Sdn. Bhd. dan Jabatan Pengurusan IKN.

3. PEMERIKSAAN TAPAK

- 3.1 Sebelum menyerahkan sebut harga, Penyebutharga disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapakbina dan sekitarnya dan telah berpuashati mengenai tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang diperlukan bagi menyiapkan kerja-kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke tapak bina, tempat tinggal yang mungkin dikehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luarjangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya.
- 3.2 Pihak Kerajaan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan atau kerugian yang dibuat oleh Penyebutharga bersangkutan dengan lawatan untuk memeriksa tapak bangunan atau lain-lain perbelanjaan berkaitan semasa menyediakan tawaran ini.

4. BON PELAKSANAAN

- 4.1 Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 2.5% daripada Jumlah Harga Kontrak dalam bentuk Jaminan Bank atau Jaminan Insuran.

5. INSURAN

- 5.1 Keselamatan pekerja kontraktor adalah di bawah tanggungjawab Kontraktor. Sebarang kemalangan ketika bertugas di IKN adalah bukan menjadi liabiliti kepada IKN.
- 5.2 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil insuran seperti berikut:
 - 5.2.1 Insurans Liabiliti Awam dan/atau Insurans Kerja (*Contractor All Risks*) sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut harga; dan
 - 5.2.2 Insurans Pampasan Pekerja (*Workmen Compensation*) dan / atau Nombor Kod Pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) bagi kesemua pekerjanya.
- 5.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Penguasa semua Polisi Insurans, Bon Pelaksanaan serta Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang

sebab yang munasabah, Pegawai Penguasa berhak mengambil tindakan pembatalan kontrak.

6 KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

6.2 Jika Penyebutharga

6.2.1 Mengenakan had, syarat atau perjanjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan **balik sebut harga ini**); **ATAU**

6.2.2 Jika sekiranya sebut harga telah disetujuterima, enggan dan tidak melaksanakan perjanjian kontrak yang formal atau mendepositkan bon peraksanaan atau tidak meneruskan kerja-kerja;

maka dalam mana-mana hal itu, Kerajaan hendaklah, tanpa menyentuh apa-apa hal lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap Penyebutharga seperti diperuntukan di bawah peraturan CIDB atau seperti tindakan berikut:

6.2.3 Untuk kesalahan pertama, pendaftaran sebagai kontraktor akan digantung selama dua (2) tahun;

6.2.4 Untuk kesalahan kedua, pendaftaran sebagai kontraktor akan digantung selama lima (5) tahun; dan

6.2.5 Untuk kesalahan ketiga, pendaftaran akan dibatalkan.

6.3 Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam surat tawaran, tanpa sebab-sebab yang munasabah, kontrak akan dibatalkan oleh Pegawai Penguasa dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

7 PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

7.2 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi kerja, arahan lisan dan / atau bertulis dari Jurutera IKN, manual/ aturan pengeluar/ Penyebutharga perkhidmatan.

7.3 Disamping mematuhi kehendak diperenggan 7.1 di atas, kerja-kerja hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

7.3.1 Suruhanjaya Tenaga;

7.3.2 Jabatan Keselamatan Pekerjaan & Kesihatan;

7.3.3 Jabatan kilang dan jentera;

7.3.4 Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik;

7.3.5 Jabatan Bomba dan Penyelamat;

7.3.6 Pihak Berkuasa Tempatan; dan

8 SUBSEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

- 8.2 Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Penguasa.

9 PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI PENGUASA

- 9.2 Jurutera IKN berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Jurutera, memberi kepadanya baucar-baucar dan / atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

10 RINGKASAN SEBUT HARGA

- 10.2 Ringkasan Sebut Harga atau 'Tawaran Harga' hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 10.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 10.4 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

11 TEMPOH KONTRAK

- 11.2 Penyebutharga perlu menyatakan tempoh penyiapan kerja di borang tawaran.
- 11.3 Sekiranya kerja gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, kontraktor akan dikenakan surcaj sebanyak 5% dari harga kontrak. Kontrak akan dibatalkan dan tindakan tatatertib terhadap kontraktor akan diusulkan kepada CIDB.

12 PEMBAYARAN

- 12.2 Pihak IKN akan membayar kontraktor selepas siap kerja keseluruhannya dan selepas kontraktor menghantar notis tuntutan (Invois) kepada pihak IKN. Bayaran adalah termasuk cukai perkhidmatan.

13 RUANG PEJABAT, STOR DAN PENGURUSAN SISA

- 13.2 Pihak IKN tidak menyediakan ruang pejabat khusus untuk kontraktor di mana-mana bahagian IKN untuk kegunaan pihak kontraktor di dalam menjalankan kerja-kerja pembinaan. Kontraktor di larang membina sebarang binaan untuk ruang pejabat, stor sementara di mana-mana bahagian di IKN tanpa mendapat kebenaran pihak pengurusan IKN.
- 13.3 Jika ruang penyimpanan barangan diperlukan, kontraktor boleh mengemukakan cadangan membekal atau membina kabinet atau kontena kecil di lokasi sesuai yang diluluskan oleh Jurutera IKN.
- 13.4 Kontraktor perlu mengatur keperluan menyediakan tong *Roll On Roll Off (RORO)* atau yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan dan perbadanan pengurusan sisa pepejal bagi pengumpulan dan pelupusan sisa binaan.
- 13.5 Kontraktor tidak dibenarkan meletakkan sisa binaan di ruang pengumpulan sisa IKN.

14 TEMPOH WAKTU BERKERJA

- 14.2 Tempoh waktu berkerja adalah dari jam 8.00 pagi sehingga jam 5.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat.
- 14.3 Kontraktor tidak dibenarkan bekerja pada hari cuti umum, hari Sabtu dan hari Ahad.

15 KESELAMATAN

- 15.2 Pihak IKN akan menyediakan pas keselamatan kepada pekerja pihak kontraktor untuk memasuki bangunan, tertakluk kepada peraturan IKN dan keselamatan semasa.
- 15.3 Pekerja-pekerja Kontraktor dibekalkan dengan kemudahan akses ke ruangan dan bilik-bilik tertentu di IKN mengikut keperluan. Kebenaran akses dikeluarkan oleh Unit Keselamatan IKN dan peraturan-peraturan keselamatan sama ada secara bertulis atau lisan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa IKN hendaklah dipatuhi.
- 15.4 Sekiranya kad akses tidak dikeluarkan, kontraktor boleh memohon kepada pegawai / pengawal keselamatan bertugas untuk membolehkan akses terkawal ke kawasan yang diperlukan.
- 15.5 Perlanggaran mana-mana peraturan, peruntukan keselamatan, termasuk etika dan moral boleh menyebabkan tindakan diambil terhadap pekerja di bawah peraturan keselamatan sedia ada, termasuk halangan akses kepada kawasan IKN.

SPESIFIKASI PEMASANGAN SISTEM PALANG LALUAN AUTOMATIK (*AUTOMATIC BOOM GATE*) UNTUK TEMPAT LETAK KERETA ARAS 2, INSTITUT KANSER NEGARA

1. Pengenalan

- 1.1. IKN mempunyai empat (4) zon tempat letak kereta. Dua (2) daripada tempat letak kereta tersebut berada di luar bangunan. Manakala dua (2) lokasi lagi terletak di bahagian dalam bangunan iaitu di *Basement* Aras 1 dan di *Basement* Aras 2.
- 1.2. IKN berhasrat untuk memasang satu sistem kawalan kemasukan ke tempat letak kereta di *Basement* Aras 2. Jenis kawalan kemasukan yang dicadangkan adalah sistem *boom gate* tanpa bayaran.
- 1.3. Sistem Kawalan bagi sistem *boom gate* ini akan dibuat melalui lokasi berjauhan yang telah dilabel sebagai Bilik Kawalan Bangunan (BCS) yang berada di Aras 1. Sistem kawalan *boom gate* ini akan diintegrasikan dengan sistem BCS.

2. Kehendak am

- 2.1. Tempat letak kereta *Basement* aras 2 ini mempunyai ciri-ciri berikut:
 - 2.1.1. Satu aras lantai dengan kemasukan konkrit;
 - 2.1.2. Soffit konkrit sebagai siling;
 - 2.1.3. Aras kedalaman satu tingkat di bawah aras jalan masuk;
 - 2.1.4. Digunakan khusus sebagai tempat letak kereta dan tempat letak motosikal;
 - 2.1.5. Satu laluan masuk selorong selebar 3,700 mm dengan landaian (*ramp*) menurun yang melengkung (*curve*); dan
 - 2.1.6. Satu laluan keluar selorong selebar 3,200 mm dengan landaian (*ramp*) mendaki yang lurus.
- 2.2. Bilik Kawalan Bangunan (BCS) yang terletak di Aras 1 – Bahagian Kejuruteraan pada masa ini menempatkan kelengkapan automasi dan kawalan pelbagai aspek sistem bangunan dan fasiliti sokongan, termasuk sistem kad akses dan kamera kawalan litar tertutup.

- 2.3. Dua unit *boom gate* diperlukan. Satu unit sistem kawalan masuk selepas posisi *ramp* laluan masuk dan satu unit lagi di lokasi permulaan *ramp* laluan keluar.

3. Skop Kerja

- 3.1. Kerja pemasangan sistem *boom gate* automatik, akan meliputi (tetapi tidak terhad kepada):
- 3.1.1. Membekal dan memasang satu bonggol sistem memperlakan kenderaan (*hump*) dipasang secara skru ke papak lantai landai (*ramp*);
 - 3.1.2. Membekal dan memasang satu set kelengkapan *boom gate* di hujung laluan masuk, mengandungi palang bergerak aluminium, perumah yang mengandungi motor, *spring* dan unit kawalan;
 - 3.1.3. Membekal dan memasang satu set kelengkapan *boom gate* di pangkal laluan keluar, mengandungi palang bergerak aluminium, perumah yang mengandungi motor, spring dan unit kawalan;
 - 3.1.4. Membekal dan memasang Pembaca kad akses (sentuh) di kedua-dua *boom gate* dengan keupayaan membaca kad akses IKN sedia ada;
 - 3.1.5. Membekal dan memasang papan tanda maklum kewujudan sistem di hadapan di laluan masuk atau di lokasi yang dipersetujui oleh jurutera IKN. Jenis kotak '*backlit*' selebar laluan masuk;
 - 3.1.6. Integrasian perisian dan sistem kawalan (ditempatkan di Bilik Kawalan Bangunan Aras 1);
 - 3.1.7. Membekal dan memasang kabel data dan kabel bekalan kuasa (Penyebutharga dikehendaki menjangka dan menentukan ukuran dan keupayaan kabel bagi kedua-dua kuasa dan komunikasi semasa lawatan tapak);
 - 3.1.8. Kerja-kerja kejuruteraan untuk pemasangan serta penempatan kukuh dan selamat kesemua peralatan; dan
 - 3.1.9. Membekal dan memasang tiga (3) unit Kamera Litar Tertutup.

- i. Dua (2) unit Kamera Litar Tertutup (CCTV) untuk memantau operasi sistem di palang masuk dan di palang keluar; dan
 - ii. Satu (1) unit Kamera litar tertutup jenis PTZ untuk memantau keadaan kenderaan di sepanjang susur laluan masuk ke *basement*.
- 3.1.10. Membekal dan memasang dua (2) set sistem komunikasi suara (interkom) dua hala. Satu (1) dari palang masuk dan satu (1) lagi dari palang keluar, ke Bilik Kawalan Bangunan (BCS);
- 3.1.11. Bekalan peralatan, penghantaran, pemasangan dan pengujian keseluruhan sistem;
- 3.1.12. Membekal Manual Operasi dan Selenggaraan;
- 3.1.13. Membekal satu (1) latihan untuk lima belas (15) anggota kejuruteraan dan pengoperasi sistem;
- 3.1.14. Dua belas (12) bulan bekalan *consumables*; dan
- 3.1.15. Dua belas (12) bulan senggaraan berkala (*routine maintenance*).

4. Kehendak rupabentuk

- 4.1. Sistem palang (*Boom Gate*) yang dipasang hendaklah moden, tidak nampak janggal, nampak menarik, berfungsi sempurna, pantas, cekap, lasak dan sesuai dengan reka bentuk persekitarannya.
- 4.2. Pertimbangan utama dibuat terhadap sistem yang mudah untuk digunakan, mesra pengguna, tidak mengelirukan dan *fail-proof*.
- 4.3. Oleh kerana lokasi pemasangan adalah di *basement*, hanya komponen yang perlu dipasang dilantai sahaja akan dipasang di aras lantai. Sistem-sistem lain seperti CCTV, notis dan sebagainya perlu dipasang di aras siling.
- 4.4. Penyebutharga dikehendaki mengemukakan maklumat berikut semasa mengemuka sebut harga:
 - 4.4.1. Pelan Susunatur lokasi penempatan komponen-komponen sistem *boom gate* (Rujuk para 4.1);
 - 4.4.2. Rupa bentuk setiap komponen;

- 4.4.3. Keupayaan masa memproses (tempoh waktu palang dibuka sepenuhnya, tempoh waktu palang ditutup dsb);
- 4.4.4. kadar keperluan dan penggunaan tenaga;
- 4.4.5. Maklumat kelasakan/ ketahanan (ciri-ciri sistem perlindungan dan maklumat Jangka hayat);
- 4.4.6. Ciri keselamatan (termasuk ciri *anti-crush*) ; dan
- 4.4.7. Maklumat sistem dan perisian automasi.

5. Lukisan Teknikal

- 5.1. Penyebutharga dikehendaki menyediakan lakaran susunatur lokasi peralatan *boom gate*, *reader*, petak di mana kenderaan harus berhenti, *road island/plinth* untuk kawalan laluan kenderaan, papan tanda dan sebagainya dalam bentuk lukisan berukuran A3.
- 5.2. Penyebutharga juga dikehendaki menyedia lukisan skematik pendawaian elektrik dan kabel komunikasi dari lokasi *boom gate* ke Bilik Kawalan Bangunan (BCS).

6. Jadual Perancangan Kerja

- 6.1. Penyebutharga dikehendaki menyediakan jadual perancangan kerja, bermula dari tarikh pemilikan tapak hingga kepada tarikh penyerahan. Penyebutharga disaran mengemuka cadangan pelaksanaan dan penyiapan bagi tempoh terpendek yang boleh dicapai.
- 6.2. Jadual kerja hendaklah disengkatkan dengan unit harian - dipaparkan secara bilangan harian yang umum (bukan tarikh sebenar – contoh “hari ke 15”; bukan “15/5/2014”).

7. Kehendak Penerusan Operasi.

- 7.1. Tempat Letak kereta Aras 2 *Basement* perlu dibuka bagi kebanyakan masa – termasuk semasa kerja-kerja pemasangan dijalankan.
- 7.2. Waktu penutupan laluan masuk jika perlu, hendaklah diminimumkan kepada beberapa jam sahaja dalam sehari. Waktu puncak (waktu masuk dan waktu keluar kerja, akses kenderaan ke tempat letak kereta ini hendaklah dibuka sepenuhnya.

7.3. Sekiranya kerja-kerja memerlukan laluan masuk/ keluar ditutup, kontraktor hendaklah:

- 7.3.1. Memaklumkan kepada Jurutera IKN sekurang-kurangnya 1 minggu sebelum tarikh penutupan dibuat;
- 7.3.2. Menyatakan dengan muktamad waktu-waktu (jam) dan tarikh penutupan laluan diperlukan; dan
- 7.3.3. Menyediakan papan-papan notis berperingkat (dua lokasi berbeza laluan mendekati lokasi kerja). Notis perlu jelas dan diluluskan oleh Jurutera IKN.

8. Kehendak untuk *Card Reader*

- 8.1. Kontraktor hendaklah membekalkan Pembaca kad imbas (*Card Reader*) yang peka dan serasi dengan kad akses pekerja IKN sediada. Unit/ Perisian pemprosesan bagaimanapun perlu boleh diprogramkan untuk hanya membenarkan kad-kad akses individu yang diluluskan sahaja.
- 8.2. Kad-kad individu yang diluluskan untuk diterima oleh sistem akan ditentukan oleh pihak Pengurusan IKN.

9. *Boom Gate*

- 9.1. Sistem hendaklah kalis vandalisme. Sistem perlu ada mekanisme untuk mencegah dari patah / rosak sekiranya dilanggar atau ditolak dari hala laluan masuk.
- 9.2. Ada sistem untuk mengesan rempuhan masuk melalui sistem penggera di pusat kawalan.
- 9.3. Dibekalkan dengan keupayaan untuk memintas (*override*) kebenaran masuk (dengan membuka palang penghadang secara manual di lokasi dan juga dan boleh dikawal dari bilik kawalan (BCS).
- 9.4. Diperuntukan laluan terus (*by-pass*) untuk motosikal.

10. Kamera Litar Tertutup (CCTV)

- 10.1. Kontraktor hendaklah membekal Kamera CCTV yang boleh diintegrasikan dengan sistem CCTV sediada di Bilik Kawalan Bangunan (BCS).

- 10.2. Kamera CCTV hendaklah dalam format *High Definition* dengan nisbah aspek 16:9, serta dengan keupayaan penglihatan dalam gelap.
- 10.3. Kamera CCTV di kawasan *boom gate* hendaklah dihalakan ke nombor pendaftaran kereta.
- 10.4. Kamera CCTV di permulaan susur laluan masuk hendaklah menghala kepada permulaan laluan masuk (untuk mengesan berlaku kesesakan).
- 10.5. Semua kamera CCTV hendaklah mempunyai keupayaan merakam imej apabila ada pergerakan.
- 10.6. Kerja-karya pemasangan hendaklah tidak menjejaskan struktur bangunan dan infrastruktur IKN. Kaedah pemasangan dan laluan kabel hendaklah mendapat kelulusan Jurutera IKN.
- 10.7. Peralatan dan kabel hendaklah dipasang supaya tidak menyebabkan halangan laluan atau gangguan operasi kepada mana-mana sistem sediaada di IKN.

11. Kabel Komunikasi

- 11.1. Pada bila-bila masa, jika dikehendaki oleh Jurutera, kontraktor hendaklah mengemukakan untuk kelulusan rajah skematik, pelan, sampel bahan, sijil dan lesen bagi setiap sistem kabel.
- 11.2. Semua kabel hendaklah dari jenis yang diluluskan oleh pembekal sistem serta serasi dengan keperluan sistem di Bilik Kawalan Bangunan (BCS).

12. Consumables, Senggaraan dan Jaminan

- 12.1. Jangka hayat – sepanjang tempoh tanggungan kecacatan (12 bulan), satu jaminan tanpa syarat ke atas komponen alat-ganti hendaklah diberikan kepada Jurutera IKN.
- 12.2. Sebarang pembaikan dalam tempoh setahun selepas operasi, termasuk dalam tempoh tanggungan kecacatan, hendaklah diperbaiki dalam tempoh 48 jam.
- 12.3. Kontraktor hendaklah mengemukakan butiran dan maklumat kontraktor atau pembekal komponen kepada sistem yang dipasang. Maklumat termasuk kadar caj bayaran (jika terlibat) dan waktu mereka boleh dihubungi.

12.4. *Consumables* – jika ada, hendaklah dianggarkan dan dinyatakan kos unitnya berdasarkan sistem dan bilangan kenderaan, bagi tempoh satu tahun tempoh operasi.

12.5. Kad akses tambahan perlu dibekalkan sebanyak 30 unit.

13. Jaminan Mutu

13.1. Hanya personel kejuruteraan yang kompeten dibolehkan menjalankan kerja-kerja pemasangan dan penyenggaraan sistem.

13.2. Alatan dan kaedah pemasangan hendaklah mengikut aturan dan kehendak pengeluar sepenuhnya.

13.3. Kerja-kerja elektrik hendaklah mematuhi kehendak jabatan bekalan elektrik serta semua undang-undang elektrik yang berkaitan di Malaysia.

14. Peraturan Unit Keselamatan IKN

14.1. IKN adalah kawasan yang dikawal keselamatannya. Pejabat Unit Keselamatan berada di Aras 4 Bangunan IKN.

14.2. Penghantaran dan pengeluaran barangan keluar dan masuk dari kawasan IKN hendaklah dimaklumkan kepada unit Keselamatan IKN.

14.3. Semua pekerja hendaklah mendapatkan pas keselamatan dari Unit Keselamatan.

14.4. Waktu bekerja dan penghantaran/ pengeluaran barang adalah dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat.

14.5. Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am, kerja-kerja pembinaan dan pemasangan tidak dibenarkan.

14.6. Semua pekerja tertakluk kepada peraturan keselamatan IKN.

14.7. Disiplin sebagai pelawat dan pekerja kontraktor juga hendaklah dipatuhi. Pekerja Kontraktor digalakkan memakai pakaian seragam. Pas atau tag keselamatan hendaklah dipakai sepanjang masa berada di kawasan kerja.

14.8. Seluruh IKN adalah kawasan larangan merokok. Denda mengikut peraturan berkaitan boleh dikenakan kepada pekerja yang melanggar larangan tersebut oleh pihak berkuasa berkenaan.

14.9. Kawasan kerja hendaklah sentiasa bebas dari sampah, takungan air, dan habuk.

15. Peraturan Keselamatan kepada Orang Awam dan Pekerja

15.1. Notis-notis yang mencukupi hendaklah disediakan di lokasi yang perlu untuk memaklumkan kawasan kerja dan rujukan perhubungan untuk tujuan aduan, laporan dan maklumbalas dari orang awam.

15.2. Hadangan, pagar atau pita rentang keselamatan juga perlu disediakan di perimeter kawasan kerja.

15.3. Jika storan atau tempat penyimpanan barangan diperlukan, Kontraktor dikehendaki mengadakan kotak/ kontena kecil ditempatkan di lokasi yang dipersetujui oleh Jurutera IKN.

16. Bekalan Elektrik / Bekalan Air untuk Kegunaan Mesin/ Jentera Pembinaan

16.1. Kontraktor hendaklah menyediakan bekalan elektrik dan bekalan air sendiri untuk kerja-kerja pembinaan.

16.2. Sekiranya kontraktor berhasrat untuk menggunakan sumber dari IKN, kebenaran bertulis adalah dikehendaki dan sejumlah bayaran akan dikenakan kepada kontraktor.

17. Pemeriksaan Kerja

17.1. Dari masa ke masa, kerja-kerja pemasangan dan pembinaan akan dikawalselia oleh Jurutera IKN.

17.2. Sekiranya diminta oleh jurutera IKN, kontraktor hendaklah menyediakan keperluan, peralatan pemantauan atau peralatan pencerap yang perlu sepanjang masa pembinaan.

17.3. Kontraktor hendaklah menyediakan log kerja harian, laporan kemajuan mingguan berserta foto kemajuan dan dikemukakan kepada Jurutera IKN secara mingguan.

18. Memperelok kemasan

18.1. Di mana boleh, penggunaan sistem tanpa wayar adalah digalakkan. Bagaimanapun, penggunaan sistem tanpa wayar hendaklah mendapat

kelulusan dari Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

- 18.2. Penebukan, penarahan kepada struktur bangunan, jalan dan kemasan sedia ada hendaklah diminimumkan. Jika ada, hendaklah dimaklumkan kepada jurutera IKN sebelum kerja menebuk atau menarah dijalankan. Jika diminta oleh Jurutera IKN, kontraktor hendaklah menyediakan kaedah pelaksanaan lengkap dengan lukisan kerja yang menggambarkan tahap jangkauan kerja dan impaknya.
- 18.3. Pendawaian hendaklah dibuat melalui sesalur (*conduit*) dan dipasang sempurna dengan kaedah yang diluluskan.
- 18.4. Jurutera IKN berhak untuk tidak menerima kaedah dan mutu sesuatu kerja dan boleh meminta ia dilakukan semula dengan kaedah dan rupa yang dikehendakinya.
- 18.5. Sekiranya berlaku kerosakan kepada mana-mana bahagian lain kepada bangunan dan infrastruktur IKN, kontraktor dikehendaki membaiki hingga memuaskan hati Jurutera. Pihak IKN juga boleh menuntut ganti rugi atas sebarang kerosakan atau gangguan kepada sistem-sistem atau barang-barang IKN.

MAKLUMAT PENYEBUTHARGA
(SILA LENGKAPKAN DENGAN MENGGUNAKAN PEN/COP BERDAKWAT HITAM/BIRU)

Semua butiran di dalam borang ini hendaklah diisi oleh kontraktor dengan betul, lengkap dan wajib dikembalikan bersama-sama dengan dokumen sebutharga.

BAHAGIAN A

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Syarikat :
3. No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:
(sertakan salinan sijil pendaftaran)
4. Kod Bidang :
5. Tarikh Didaftarkan :
6. Tempoh sah pendaftaran : Dari..... hingga.....
7. No. Pendaftaran dengan PKK:
(sertakan salinan sijil pendaftaran)
8. Kelas, Kepala & Sub-Kepala :
9. Tarikh Didaftarkan :
10. Tempoh sah pendaftaran : Dari..... Hingga.....
11. Bertaraf Bumiputera, nyatakan: Ya / Tidak
12. Tempoh sah pendaftaran : Dari..... hingga.....
13. No. Pendaftaran dengan CIDB :
(sertakan salinan sijil pendaftaran)
14. Kategori & Pengkhususan Sijil CIDB :
15. Tarikh Didaftarkan :
16. Tempoh sah pendaftaran : Dari..... Hingga.....
17. Bagi syarikat sdn. bhd. sila nyatakan :
 - i) Modal dibenarkan :
 - ii) Modal dibayar :
18. Wakil Kontraktor untuk dihubungi
 - i) Nama :
 - ii) No. Tel (Pejabat) :
No. Tel (Hp) :

PENGALAMAN KERJA

Sila senaraikan kerja-kerja yang telah disiapkan. **(Kontraktor diwajibkan menyertakan salinan Surat Setuju Terima / Inden Kerja / Pesanan Tempatan)**

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi/Perunding yang Mengawas Projek	Harga Kontrak (RM)	Tempoh	Tarikh Siap Sebenar

Sila gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan tidak mencukupi

SENARAI KERJA DALAM TANGAN

Sila senaraikan kerja-kerja yang sedang disiapkan. **(Kontraktor diwajibkan menyertakan salinan Surat Setuju Terima / Inden Kerja / Pesanan Tempatan)**

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi/Perunding yang Mengawas Projek	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak	Tarikh Siap Sebenar

Sila gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan tidak mencukupi

LEMBAGA PENGURUSAN SYARIKAT

1. Ahli-ahli Lembaga Pengarah/Pemilik Syarikat

Bil.	Nama	Jawatan	Saham / Modal Dipegang

2. Ahli-ahli Pengurusan

Bil.	Nama	Jawatan	Saham / Modal Dipegang

**SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA
BAGI TAWARAN SEBUT HARGA KERJA-KERJA PEMASANGAN SISTEM PALANG
LALUAN AUTOMATIK (*BOOM GATE*)
DI TEMPAT LETAK KERETA ARAS 2, INSTITUT KANSER NEGARA
NO. SEBUTHARGA : IKN/SH/51/2014**

Saya, nombor K.P
yang mewakili No. Pendaftaran
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini
tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Institut
Kanser Negara (IKN), Putrajaya** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan
~~tender~~/ sebutharga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi
saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Institut Kanser Negara
(IKN), Putrajaya** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan ~~tender~~/
sebutharga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut
diambil:

- 2.1. Penarikan balik tawaran kontrak bagi ~~tender~~/sebutharga* di atas; atau
- 2.2. Penamatan kontrak bagi ~~tender~~/sebutharga* di atas; dan
- 2.3. Lain-lain tindakan tatatertib mengikut Perolehan Kerajaan

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-
mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini ganjaran mendapatkan ~~tender~~/sebutharga*
seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama:
No.K/P:

Cop Syarikat:

Catatan: * potong mana yang tidak berkenaan

**KERJA-KERJA PEMASANGAN SISTEM PALANG LALUAN AUTOMATIK
(BOOM GATE) DI TEMPAT LETAK KERETA ARAS 2,
INSTITUT KANSER NEGARA.
NO. SEBUT HARGA IKN/SH/51/2014**

		Jumlah Harga
1	Kehendak-kehendak am dan kerja-kerja permulaan	
	1.1 Lukisan <i>'as-built'</i>	
	1.2 Manual operasi	
	1.3 Insuran-insuran	
	1.4 <i>Setting out</i>	
	1.5 Bekalan tenaga dan keperluan pembinaan	
2	Penyediaan tapak dan pengubahsuaian lantai, <i>ramp</i> dan laluan.	
3	Membekal dan memasang dua set sistem kawalan kemasukan berpalang (<i>boom gate</i>) termasuk pemasangan komponen-komponen berkaitan dan kerja-kerja pendawaian serta penyambungan ke Bilik Kawalan Bangunan (BCS).	
4	Membekal dan memasang sistem komunikasi dua hala (interkom) termasuk kerja-kerja pendawaian dan penyambungan dari semua gate ke Bilik Kawalan Bangunan (BCS).	
5	Membekal dan memasang 3 set sistem kamera litar tertutup termasuk kerja-kerja pendawaian dan penyambungan ke Bilik Kawalan (BCS).	
6	Pemasangan sistem automasi untuk <i>card reader</i> , <i>CCTV</i> , <i>intercom</i> dan sebagainya di bilik kawalan (BCS). Kerja termasuk pelarasan dan penyambungan (integrasi) kepada sistem sediaada yang berkaitan.	
7	Latihan untuk 15 anggota bagi kaedah operasi sistem yang dibekalkan.	
8	Bekalan <i>consumables</i> untuk tempoh 12 bulan.	
9	Pakejenggaraan rutin untuk semua sistem yang dibekalkan untuk tempoh 12 bulan.	
10	Pengujian dan pentauliahan.	
11	Membersih dan mengemaskan keseluruhan kawasan binaan dan pemasangan ketahap memuaskan pengurusan IKN.	
	Jumlah Dibawa ke Borang Sebut Harga	

RINGKASAN TAWARAN

BIL	HURAIAN KERJA	JUMLAH
A	Kerja-Kerja Pemasangan Sistem Palang Laluan Automatik (<i>Boom Gate</i>) di Tempat Letak Kereta Aras 2	
Jumlah Dibawa Ke Borang Sebut Harga		

Catatan: Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam butiran Sebutharga.

TEMPOH SIAP KERJA :MINGGU

TEMPOH JAMINAN :

.....

Tandatangan Kontraktor

Nama Penuh:.....

No. K/P:.....

Alamat/Cop Syarikat:.....

Tarikh:.....

SENARAI SEMAKAN SEBUTHARGA (KERJA)

Sila tandakan

☐

Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	☐	☐
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	☐	☐
3.	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	☐	☐
4.	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor(SPPK) Dari CIDB	☐	☐
5.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan(SPKK) dari CIDB	☐	☐
6	Salinan Sijil Taraf Bumiputera(STB) Dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK))	☐	☐
7.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir	☐	☐
8.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani (Lampiran Q)	☐	☐
9.	Ringkasan Sebutharga diisi dan ditandatangani serta disertakan Spesifikasi kerja (Lampiran D)	☐	☐
10.	Borang Latar Belakang Pengalaman Kerja dan Senarai Kerja Dalam Tangan Penyebut Harga (Lampiran B)	☐	☐
11.	Salinan Surat Pengalaman Kerja disertakan (Surat Tawaran Kerja / Inden Kerja / Pesanan Tempanan)	☐	☐

12.	Surat Akuan Penyebutharga Di isi dan ditandatangani (Lampiran B)		
13.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)		
14.	Lembaga Pengurusan Syarikat (Lampiran B)		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan: Nama : Jawatan: Tarikh:	UNTUK KEGUNAAN JABATAN Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga Mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada). Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:
---	---

**BORANG SEBUT HARGA KERJA
NO. SEBUT HARGA:IKN/SH/51/2014**

Pengarah
Institut Kanser Negara
No.4, Jalan P7, Presint 7
62250 Putrajaya

Puan,

Sebut harga untuk **Kerja-Kerja Pemasangan Sistem Palang Laluan Automatik (*Boom Gate*) di Tempat Letak Kereta Aras 2, Institut Kanser Negara** di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja kerja tersebut bagi jumlah harga Pukul sebanyak **Ringgit Malaysia:**.....

.....

.....

(RM).....

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa **minggu** dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh padaharibulan.....2014

.....
Tandatangan Kontraktor

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....

Nama Penuh:.....

No. K/P:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....

Alamat:.....

.....

.....

.....

.....

Atas sifat:.....

.....

Meterai atau Cap Kontraktor

LAMPIRAN Q

(Kew. 284-Pin.2/94)

Bila menjawab, sila nyatakan
Nombor ini

No. Sebutharga: IKN/SH/51/2014
INSTITUT KANSER NEGARA

KERAJAAN MALAYSIA

**(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**TAWARAN SEBUT HARGA KERJA-KERJA PEMASANGAN SISTEM PALANG
LALUAN AUTOMATIK (*BOOM GATE*) DI TEMPAT LETAK KERETA ARAS 2,
INSTITUT KANSER NEGARA**

SEBUT HARGA UNTUK KERJA-KERJA

Kepada:

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan

INSTITUT KANSER NEGARA ,
PUTRAJAYA
No. 4, Jalan P7, Presint 7
62250 Putrajaya

No. Telefon:

No. Telefon: **03-8892 5555**

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Tarikh : 7 Oktober 2014

Kewangan:

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan

dengan kerja ini: Berdaftar dengan PKK
dan LPIPM (CIDB)

Sila beri Sebut Harga untuk **Kerja-Kerja Pemasangan Sistem Palang Laluan Automatik (*Boom Gate*) di Tempat Letak Kereta Aras 2, Institut Kanser Negara**

1. Tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:-

- 1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan.
- 1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki **7 hari dari tarikh Sebut Harga diiklankan.**
- 1.3 Arahan Pengiriman Dihantar/serah ke alamat di atas.
- 1.4 Sebut Harga dimasukkan ke dalam satu sampul berlakri dan bertanda No. Sebut Harga **IKN/SH/51/2014.**
- 1.5 Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengahari **17 Oktober 2014 (Jumaat).**
- 1.6 Tempoh sah laku Sebut Harga hendaklah (90) hari selepas tarikh tutup.

Tarikh:

Tandatangan:.....

Nama Pegawai:

Jawatan :

Bil.	Perihal Bekalan/Perkhidmatan Dan Syarat-Syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan			Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
1.	Skop kerja seperti <u>di Lampiran A</u>			
2.	Jumlah tawaran harga keseluruhan Tawaran harga secara terperinci adalah seperti <u>di Lampiran D</u> Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan adalah mengikut jadual *Sila sertakan sesalinan sijil berkaitan			

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan penyempurnaan adalah mengikut jadual penghantaran

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga:.....

Nama dan No. KP:.....

Alamat Syarikat:

Tarikh:.....